



BICARA
AWAM

WONG CHIN HUAT

Perlukah manusia jadi sama untuk dilayan sama rata?

Saya guna sudu dan garpu untuk makan pada kebanyakan masa, tetapi ada kekecualiannya. Guna tangan makan nasi padang kegemaran saya di Jalan Transfer, Pulau Pinang, guna penyepit makan mi sup dan *steamboat* dan guna pisau dan garpu makan stik. Saya pasti nampak bodoh dan kekok kalau makan stik dengan tangan dan pasti melecur jari kalau makan mi sup dan *steamboat* dengan tangan.

Adakah sang pembesar yang prihatin sungguh untuk menjaga tepi kain kita ini sendiri makan stik dan *steamboat* dengan tangan mereka? Ataupun mereka makan nasi berlauk 365 hari setahun?

Nampaknya remeh, tetapi polemik ini sebenarnya berlatarbelakangkan satu persoalan besar dalam hidup bermasyarakat. Perlukah manusia menjadi sama dan serupa untuk hidup bersama dan dilayan sama rata? Diungkapkan secara lain, adakah perbezaan itu mengancam kehidupan bersama sehingga perlu dihapuskan?

Kalau tidak, maka kita boleh ber-

lainan, tetapi tetap bersama dan melayani sesama sendiri secara sama rata. Kalau ya, maka kita perlu memaksakan asimilasi ke atas mereka yang dikira lain daripada kita.

Asimilasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Melarang pembelajaran bahasa minoriti, memaksa pertukaran agama malah memaksa perkahwinan campur untuk menghapuskan kedua-dua perbezaan bahasa dan agama.

Kerana ini bukan polemik baharu, maka kita boleh meneliti pendekatan daripada sejarah peradaban dan negara yang lain sebagai rujukan.

Sungguhpun begitu, asimilasi bahasa yang bertujuan untuk bukan sekadar memudahkan komunikasi, tetapi juga untuk menyeragamkan fikiran itu sebenarnya idea baru yang muncul selepas Revolusi Perancis 1789.

Raja Perancis pra-Revolusi membenarkan kepelbagaian bahasa di kalangan rakyatnya. Selepas Revolusi, asimilasi bahasa dirasakan perlu untuk menyatukan bangsa Perancis tanpa raja dan hanya dilaksanakan hampir 100 tahun kemudian melalui pendidikan ke-

Bagi saya, pendekatan Islam tentang perbezaan manusia munasabah dan indah sekali."

bangsaan percuma.

Idea Perancis ini diikuti-ikuti oleh banyak negara termasuk Thailand selepas Revolusi 1932 yang memaksa orang Melayu di wilayah selatannya untuk melupakan bahasa dan jati diri mereka.

Perancis sendiri telah meninggalkan dasar asimilasi bahasa selepas Perang Dunia. Negara jirannya, Switzerland mengiktiraf empat bahasa rasmi termasuk bahasa Perancis, Jerman dan Itali untuk masyarakat majmuknya. Daripada menyebabkan rakyatnya berpecah berkilatkan politik tiga negara jiran, dasar keterangkuman bahasa itu membina kesetiaan rakyat kepada Switzerland.

Penghayatan perbezaan bahasa lama wujud di alam nusantara. Bahasa Melayu berkembang daripada Palembang dan Jambi sampai sejauh

Ambon dan Manila di timur bukan kerana paksaan Empayar Srivijaya atau Melaka, tetapi kerana bahasa itu bernilai ekonomi dan ilmu.

Penuturnya juga tidak dipaksa untuk melupakan bahasa asal demi menguasai lingua franca ini.

Bagi saya, pendekatan Islam tentang perbezaan manusia munasabah dan indah sekali. Kita dijadikan berlainan, sebagai lelaki dan perempuan, dalam bangsa-bangsa dan kaum-kaum supaya kita saling mengenali. Sememangnya, kalau Maha Esa inginkan, sudah tentu kita boleh dicipta sebahasa dan seagama malah seminda semacam robot keluaran kilang. Tetapi, kita diberkati dengan perbezaan dan kepelbagaian.

Kecinaan saya tidak menjadi penghalang kepada keMalaysiaan saya, sepertimana keMalaysiaan saya tidak menjadi penghalang kepada kemanusiaan saya. Kalau ada yang tidak fahminya, simpati ikhlas daripada saya.

**Profesor Wong Chin Huat ialah seorang ahli sains politik yang khusus dalam sistem pilihan raya, politik parti dan demokrasi berparlimen*

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG RABU

1 18 SAMPEL DIDAKWA MUNTAH IKAN PAUS TIDAK TULEN

2 PEMBIDA ASET LELONG SAJAT RM132,000 HILANGKAN DIRI

3 SEORANG MAUT, LIMA SELAMAT BOT TERBALIK DI TANJUNG DAWAI

4 BULI: MARA TAMATKAN PENGAJIAN 10 PELAJAR MRSM

5 ANGGOTA TENTERA WANITA MAUT, BAYI PARAH DALAM KEMALANGAN

6 ZETI: APA SEBENARNYA BERLAKU?

7 ISMAIL SABRI PERLU JADI PM SEHINGGA 2023: KELAB PENYOKONG KERAJAAN

8 ZURAIDA KETUAI PARTI BAHARU, PBM?

9 'KALAU ADA PENYAMAR, TOLONGLAH TOLAK KERANA HATI SAYA SUDAH BERPUNYA'

10 POLIS CARI INDIVIDU BERGADUH DALAM VIDEO TULAR

KMIKT rasmi Makmal Kateterisasi, tawar rawatan jantung

KUALA TERENGGANU - KMI Kuala Terengganu Medical Centre (KMIKT) yang dahulunya dikenali sebagai Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) melancarkan Makmal Kateterisasi Jantung (Cath Lab) swasta yang pertama di Terengganu di lobi hospital tersebut pada Selasa.

Cath Lab yang mula beroperasi sejak Disember 2020 menawarkan perkhidmatan diagnostik dan kardiologi intervensi kepada komuniti di Kuala Terengganu dan sekitarnya.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, Cath Lab merupakan satu lagi penanda aras kepada hospital swasta lain milik kerajaan negeri, sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

Menurutnya, pesakit di sekitar Kuala Terengganu dan kawasan berhampiran kini mempunyai pilihan dalam perkhidmatan jantung menggunakan teknologi terkini.

"Dengan kos pembinaan makmal kateterisasi yang mencecah hampir RM4 juta ini, ia diharap dapat mengurangkan kesesakan rawatan pesakit jantung di hospital kerajaan.

"Peningkatan kes penyakit kronik seperti barah, jantung dan sebagainya sangat membimbangkan. Mengikut



Salina (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Pengarah Urusan Kumpulan USAINS Tech Services Sdn Bhd, Farid Wajidi Mat Yusoff (kanan) sambil disaksikan Ahmad Samsuri.

statistik, sejak tahun 2005, penyakit jantung kekal sebagai punca utama kematian rakyat Malaysia.

"Kajian itu juga menunjukkan serangan jantung berlaku dalam kumpulan umur yang lebih muda di Malaysia iaitu 58 tahun berbanding negara jiran kita Thailand (65 tahun) dan Singapura (61 tahun)," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Turut hadir ialah Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Dr Alias Razak; Pengerusi KMIKT, Mazli Zakuan Mohd Noor; Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin; Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr Rayney Azmi Ali dan Pengurus Besar KMI Kuala Terengganu Medical Centre, Salina Long.

Pada majlis sama, KMIKT turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan USAINS Tech Services Sdn Bhd untuk meneroka potensi kerjasama dalam penyediaan bersama rawatan kardiovaskular dan perkhidmatan lain berkaitan dengan Cath Lab di KMIKT.

Cath Lab turut menawarkan perkhidmatan rawatan jantung seperti Angiografi Koronari, Angioplasti Koronari, Pemasangan Alat Pacu Jantung (*pacemaker*) dan Pemantauan Elektrofisiologi (*Electrophysiology Study*).

Sementara itu, Salina berkata, KMI Kuala Terengganu bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh dan berkualiti untuk semua pelanggan mereka.